



PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK

OBJEKTIF

Memberi kemudahan pinjaman pengajian tinggi kepada Warganegara Malaysia khususnya anak Perak yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi yang ditaja dan menyumbang kepada modal insan dan ekonomi Negeri Perak

1. IPT DAN KURSUS YANG DITAJA

- **Semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).**
 - * Semua jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak IPTA.
- **Semua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bertaraf Universiti dan Kolej Universiti di dalam negara DAN Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bertaraf Institusi atau Kolej di dalam Negeri Perak.**
 - * Semua jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak IPTS yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- **Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara :**
 - i) Universiti di Mesir - Bidang Perubatan dan Ulum Syariah.
 - ii) Universiti di Jordan - Bidang Pengajian Islam.

2. SYARAT - SYARAT PERMOHONAN

- Pemohon dan ibu atau bapa lahir di Negeri Perak;
 - Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di Negeri Perak tetapi beralamat di luar Negeri Perak telah bermastautin di dalam Negeri Perak lebih dari 10 tahun;
 - Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di luar Negeri Perak telah bermastautin di dalam Negeri Perak lebih daripada 10 tahun;
 - Pemohon mestilah mengikuti kursus pengajian sepenuh masa;
 - Bagi pemohon yang sedang belajar hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya baki tiga (3) semester atau satu (1) setengah tahun tempoh pengajian pada masa pembayaran kali pertama diterima;
 - Keutamaan diberikan kepada Golongan B40;
 - Umur pemohon pada tahun semasa mestilah tidak melebihi 41 tahun.
- ** Maklumat yang diberikan dalam permohonan perlulah benar, lengkap dan betul. Jika didapati maklumat yang diberikan tidak benar atau palsu, pihak Kerajaan Negeri Perak berhak membatalkan permohonan tersebut dengan serta-merta.**
- ** Status Pemastautin perlu dikemukakan dan hendaklah disahkan oleh Penghulu di daerah masing-masing.**

3. KADAR PINJAMAN

BIL.	PERINGKAT PENGAJIAN	KADAR SETAHUN (RM)
1.	DIPLOMA	5,000.00
2.	IJAZAH SARJANA MUDA	
	2.1 Pengajian Dalam Negara :	
	• Bidang Perubatan	8,000.00
	• Bidang Sains	6,500.00
	• Bidang Sastera	6,000.00
2.1 Pengajian Luar Negara :		
• Bidang Perubatan (Mesir)	15,000.00	
• Ulum Syariah (Mesir)	8,000.00	
• Bidang Pengajian Islam (Jordan)	12,000.00	
3.	IJAZAH SARJANA (MASTER)	
	• Tempoh tajaan 2 tahun (bermula dari tarikh kemasukan Universiti)	10,000.00
4.	IJAZAH KEDOKTORAN (PhD)	
	• Tempoh tajaan 3 tahun (bermula dari tarikh kemasukan Universiti)	15,000.00

4. KADAR BAYARAN BALIK

BIL.	JUMLAH PINJAMAN	ANSURAN BULANAN
1	RM0.00 - RM10,000.00	RM150.00
2	RM10,001.00 - RM20,000.00	RM200.00
3	RM20,001.00 - RM30,000.00	RM250.00
4	RM30,001.00 - RM40,000.00	RM300.00
5	RM40,001.00 - RM50,000.00	RM350.00
6	RM50,001.00 - RM60,000.00	RM400.00
7	RM60,001.00 - RM70,000.00	RM450.00
8	RM70,001.00 - RM80,000.00	RM500.00

- Setiap RM10,000.00, kadar bayaran bulanan akan dinaikkan sebanyak RM50.00
- Bagi pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang telah tamat pengajian dengan CGPA 3.75 dan ke atas, layak memohon untuk pengecualian bayaran balik pinjaman. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tertakluk kepada keputusan Lembaga Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Tinggi Negeri Perak dari semasa ke semasa.

5. KAEDAH BAYARAN BALIK PINJAMAN

1. BAYARAN SECARA TUNAI

- (a) Kaunter Bayaran di Unit Pinjaman Pengajian Tinggi, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
- (b) Kaunter Unit Pinjaman Pengajian Tinggi LB 17 & 18, (UTC 26 & 28), Bangunan UTC Perak, Jalan Dato' Onn Jaafar, 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

2. BAYARAN SECARA POS

- (a) Bayaran melalui Wang Pos/ Kiriman Wang/ Cek atau Bank Draf atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK".

3. POTONGAN GAJI

- (a) Bayaran melalui Arahan Potongan Gaji dengan mengisi Borang Lampiran 'B' yang boleh didapati di Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Perak.

4. ARAHAN KEPADA BANK (Standing Instruction/ Banker's Order) Boleh

- (a) Boleh hubungi mana-mana bank simpanan individu yang menyediakan kemudahan tersebut. Bayaran hendaklah dibuat atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK".

5. PENGELUARAN CARUMAN KWSP

- (a) Pengeluaran melalui Akaun 2 sahaja. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh KWSP dari semasa ke semasa. Maklumat lanjut di laman web <http://www.kwsp.gov.my>

6. BAYARAN SECARA DALAM TALIAN (Online)

- (a) Pembayaran boleh dibuat melalui Maybank2u. Layari <http://www.maybank2u.com.my>

-
- Permohonan adalah secara dalam talian (online) : <http://spptp.perak.gov.my>
 - Sebarang pertanyaan lanjut hubungi kami di talian 05-2095000 (ext. Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak)